

LANDSKAP PASARAN JEJAS

PRESTASI MSM PADA S1 2019

KUALA LUMPUR, 23 MEI 2019 – Prestasi MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) untuk suku pertama berakhir 31 Mac 2019 (S1 2019) terkesan berikutan harga gula yang rendah beserta peningkatan 15% dalam pengeluaran permit import (AP) dan penurunan mendadak dalam jumlah eksport. Untuk tempoh yang ditinjau, MSM, pengeluar gula bertapis terkemuka negara, telah mencatatkan penurunan 12% dalam hasil kepada RM485.62 juta berbanding RM549.06 juta dalam tempoh sama pada tahun sebelumnya. Kerugian sebelum cukai sebanyak RM3.38 juta telah direkodkan untuk S1 2019, berbanding keuntungan selepas cukai sebanyak RM20.94 juta pada S1 2018. Kumpulan telah mencatatkan kerugian bersih berjumlah RM7.06 juta untuk S1 2019, berbanding keuntungan bersih berjumlah RM15.81 juta sebelumnya.

Penurunan hasil adalah berpunca daripada pengurangan sebanyak 11% dan 15% dalam harga jualan purata (ASP) bagi sektor Domestik dan Industri MSM. Pasaran Malaysia telah terjejas daripada kenaikan dalam pengeluaran AP kepada pihak industri, disusuli dengan peningkatan penyeludupan gula ke Malaysia, sekaligus mengurangkan harga dalam pasaran domestik. Penurunan dalam eksport sebanyak 81% dalam tempoh tersebut turut menjejaskan hasil syarikat berikutan persaingan tinggi dalam pasaran eksport akibat daripada lambakan gula dunia. Prestasi kewangan Kumpulan turut terjejas disebabkan pengurangan dalam nilai Ringgit kepada RM 4.1209 terhadap USD, berbanding RM4.0008 pada suku sebelumnya.

Pada S1 2019, MSM telah mengeluarkan 217,880 tan gula bertapis, pengurangan 1% berbanding 218,976 tan pada tempoh yang sama tahun sebelumnya. Walaubagaimanapun, kos pengeluaran gula bertapis meningkat sebanyak 12% bagi tempoh yang sama disebabkan penyelenggaraan operasi berjadual, kos pembungkusan yang tinggi, kenaikan harga gas serta jumlah pengeluaran yang berkurang.

Ketua Pegawai Eksekutif MSM yang baru dilantik, Dato' Khairil Anuar Aziz berkata, "Seperti yang dijangkakan, permulaan bagi tahun 2019 adalah sukar berikutan cabaran yang dihadapi dari pelbagai sudut, bukan sahaja kita, malah dihadapi oleh pengeluar-pengeluar gula seluruh dunia. Kami sentiasa memantau situasi dengan peka serta melaksanakan pelbagai mekanisma lindung nilai strategik bagi mengurangkan impak daripada ketidaktentuan harga



dan matawang memandangkan kos operasi MSM sangat bergantung kepada harga gula mentah dunia dan tukaran asing.

“Di sebalik persaingan yang tinggi dalam pasaran domestik dan antarabangsa serta peningkatan pengeluaran dalam kalangan negara pengeluar, MSM berjaya mengekalkan nilai pengurusan kewangan yang mantap dengan peningkatan baki tunai sebanyak 12%. Ini telah memberi ruang untuk pengurusan modal yang lebih efisien dan juga pelaksanaan inisiatif penjimatan yang lain bagi mengurangkan impak daripada penggearan tinggi. Pengurusan modal yang efisien akan kekal menjadi fokus utama pada tahun 2019,” jelas Khairil Anuar.

Mara ke hadapan, pasaran menjangkakan Ringgit akan terus lemah berbanding USD bagi beberapa bulan berikutnya, akan tetapi, situasi dijangka akan bertambah baik pada suku keempat 2019. Selain itu, pelaksanaan cukai eksais (cukai soda) seperti yang dirancang untuk minuman bergula sebanyak RM0.40sen/liter bermula 1 Julai 2019 serta pengeluaran AP yang dijangka lebih banyak akan turut memberikan kesan negatif kepada pencapaian MSM.

“Walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran di samping pasaran yang kurang memberangsangkan, MSM akan memberikan fokus kepada kepimpinan pasaran dalam Malaysia dan meluaskan jejak serantau. MSM akan terus meningkatkan kepelbagaian produk, menerokai peluang untuk kerjasama komersial, melupuskan aset-aset bukan teras dan melaksanakan inisiatif-inisiatif penjimatan kos,” kata Khairil Anuar.

-TAMAT-



Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) adalah pengeluar gula bertapis terkemuka di Malaysia yang terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui tiga anak syarikatnya, MSM Prai Berhad, MSM Perlis Sdn Bhd dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan syarikat logistik - MSM Logistics Sdn Bhd dan sebuah syarikat dagangan - MSM Trading International DMCC, yang berpangkalan di Dubai, Emiriah Arab Bersatu.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.25 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2018, MSM mengeluarkan sebanyak 964,739 tan gula bertapis, di mana 109,613 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai 59% majoriti syer pasaran domestik. Ditubuhkan pada 10 Mac 2011, MSM disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 28 Jun 2011 dengan modal pasaran sebanyak RM 1.83 bilion setakat 31 Disember 2018). MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya. MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan pagedarnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.msmsugar.com

Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Siti Noorbaya Mohd Yunus
+603 2181 5018 ext. 158
+6016 677 6118
noorbaya.my@msmsugar.com

Ahmad Izwan Osman
+603 2181 5018 ext. 154
+6017 440 1027
ahmadizwan.o@msmsugar.com